

Lima buruh asing masuk secara haram dipenjara dan disebat

MIRI: Lima buruh ladang warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan sekali sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan masuk ke negara ini secara haram.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas kesemua tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 14 November lalu.

Amirullah Teko, 37; Mohammad Hasrudi Amran, 19; Reang, 23; Alpian, 25, dan Abdul Rahman, 19; kesemuanya dari Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 6 (1) Akta Imigresen 1959/63 dan dihukum di bawah Sek-

syen 6 (3) akta sama.

Jika sabit kesalahan, setiap tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali.

Menurut keterangan kes, kelima-lima tertuduh telah ditahan pada 8.30 malam 14 November lalu di sebuah kawasan ladang kelapa sawit di Tinjar, Baram untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam satu kes bunuh ke atas seorang pekerja di ladang tersebut.

Ketika disoal siasat awal polis, kesemua tertuduh yang merupakan warga Indonesia

gagal menunjukkan sebarang dokumen perjalanan sah yang membenarkan mereka memasuki dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, kesemua tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Marudi untuk tindakan lanjut.

Ketika rayuan, kelima-lima tertuduh memohon hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertama mereka.

Pendakwaan kes dikenalpastikan Timbalan Pendakwa Raya Marvind Kaliyani di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman, manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam bela.